



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/28_11 (HQ)

TNB CATAT EBITDA LEBIH KUKUH TK2022, DALAM MENYEMARAKKAN PELAN PERALIHAN TENAGA

- EBITDA meningkat 10.9%, hasil naik 5.7% manakala permintaan elektrik Semenanjung Malaysia pada paras 6.0% Tahun ke Tahun
- PAT merosot 8.0% berikutan cukai lebih tinggi
- Pengurusan modal kerja berkesan meredakan tekanan harga tinggi bahan api
- TNB pemacu utama Peralihan Tenaga Negara

TENAGA NASIONAL BERHAD mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 5.7% kepada RM50.87 bilion bagi tahun kewangan (TK) berakhir 31 Disember 2022 daripada RM48.12 bilion dalam tempoh sama tahun 2021.

“Ini didorong oleh peningkatan 5.2% tahun ke tahun dalam permintaan elektrik, terutamanya dalam sektor perindustrian dan komersial. Permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia sahaja meningkat sebanyak 6.0% tahun ke tahun,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din.

Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) Kumpulan meningkat 10.9% kepada RM20.81 bilion pada TK2022 daripada RM18.77 bilion tahun sebelumnya. Ia didorong peningkatan kutipan yang membolehkan hasil elektrik Kumpulan lebih tinggi di samping peruntukan hutang ragu lebih rendah. Kesannya, margin EBITDA telah meningkat kepada 40.9% daripada 39.0% berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Bagaimanapun, Keuntungan Selepas Cukai (PAT) Kumpulan TNB adalah 8.0% lebih rendah pada RM3.56 bilion berbanding RM3.86 bilion pada 2021. “PAT terjejas oleh cukai lebih tinggi susulan perubahan cukai tertunda RM520.7 juta dan pengenaan Cukai Makmur RM340.8 juta,” kata Baharin.

Pengurusan Modal Kerja Berkesan Meredakan Tekanan Harga Bahan Api Yang Tinggi

Baharin berkata, akaun belum terima Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) di tengah-tengah peningkatan kos bahan api pada 2022, kekal tinggi secara relatif disebabkan perbezaan masa di antara pendahuluan pembayaran oleh TNB dan penerimaan semula bayaran surcaj melalui rangka kerja ICPT.

“Pada masa depan, tekanan ke atas penghutang ICPT dijangka berkurangan memandangkan arah aliran semasa harga bahan api dengan Kerajaan menyokong rangka kerja Kawal Selia

Berasaskan Insentif (IBR).” Dari Julai hingga Disember 2022, TNB telah memperoleh bayaran penuh ICPT sebanyak RM 5.8 bilion. Pada separuh pertama TK2023, bayaran pemulihan kos ICPT berjumlah RM16.2 bilion. TNB akan menerima pemulihan penuh melalui surcaj ICPT yang akan disalurkan kepada pelanggan bukan domestik (voltan sederhana dan voltan tinggi) pada kadar 20.0 sen/kWj, serta RM10.4 bilion pelunasan kos daripada kerajaan. TNB telah menerima RM4 bilion pada Januari 2023 manakala bakinya akan dibayar oleh Kerajaan melalui lima ansuran. Keputusan mengenai ICPT baru-baru ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan industri kekal berdaya tahan.”

Berdasarkan trend harga bahan api semasa, Baharin menyatakan bahawa pelunasan kos ICPT pada separuh kedua TK23 diramalkan sekitar RM12 bilion.

Pada masa sama, TNB akan terus proaktif dalam pengurusan modal kerjanya berdasarkan persekitaran harga bahan api semasa yang tinggi. Antara lain, mengambil langkah sewajarnya untuk menambah baik kutipan pada 2022, yang telah mengurangkan risiko belum terima dagangannya.

Sementara itu, pelan perbelanjaan modal (Capex) Kumpulan 2023 dijangka berjumlah RM12.8 bilion, yang mana RM7 bilion adalah modal kawal selia termasuk modal RM1 bilion berkaitan peralihan tenaga manakala baki RM5.8 bilion bagi projek-projek utama lain.

Menyemarak Inisiatif Peralihan Tenaga Bertanggungjawab TNB pada 2023

“Kami mengharungi tahun 2022 yang menggalakkan dengan pencapaian menarik melalui inisiatif Peralihan Tenaga bertanggungjawab. Inisiatif tersebut dipergiatkan merentasi empat perniagaan iaitu Penjanaan (anak syarikat milik penuh, TNB Power Generation Sdn Bhd - TNB Genco); Bahagian Tenaga Baharu (NED); Grid dan eksosistem Kenderaan Elektrik (EV).”

Baharin menekankan bahawa TNB Genco telah dianugerahi aset Tenaga Boleh Baharu (TBB) 950 Megawatt (MW) merangkumi Projek 650MW Pelan Pemanjangan Hayat (Life Extension Plan - LEP) dan Projek Hidro Nenggiri 300MW, di Kelantan. Terdapat tambahan 3,600MW kapasiti penjanaan TBB dalam perancangan melibatkan pemerkasaan semula Paka, Terengganu; pembangunan Janakuasa Turbin Gas Kitaran Gabungan (CCGT) baharu di Kapar, Selangor dan eksport tenaga elektrik ke Singapura. Bagi LEP Sungai Perak, TNB telah menyiapkan cadangan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan dan Pentauliahan (EPCC). Projek Nenggiri pula mencapai tahap 10.5% sejak dimulakan pada Mac 2022 manakala kajian kebolehlaksanaan dengan perunding sedang dijalankan di Kapar.

Sementara itu, kata beliau, NED telah berjaya memperolehi 97.3MW Portfolio Angin Dalam Pesisir, 102MW ladang solar dan potensi pembangunan 65MW untuk penyimpanan bateri di United Kingdom. NED juga berjaya membiayai semula portfoli solarnya 365MW, berjumlah £275 juta. Di peringkat tempatan, ia melaksanakan pembangunan Solar Berskala Besar (LSS) 50MW di Bukit Selambau, Kedah tahun lalu.

“Bagi Grid, kami telah selesai menaik taraf kesalinghubungan Malaysia dan Singapura. Kami juga telah mempercepatkan usaha ke arah kesalinghubungan Grid Tenaga ASEAN untuk menyokong matlamat kolektif serantau untuk nyah karbon. Kami berjaya mencapai 71.4% Indeks Grid Pintar (SGI), suatu peningkatan daripada tahun sebelumnya. Satu lagi pencapaian ketara ialah pemasangan lebih 800,000 unit meter pintar, melebihi sasaran 600,000 unit ditetapkan tahun lalu.”

Untuk EV, TNB telah menandatangani enam (6) Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan kongsi e-mobiliti terkemuka bagi merangsang pertumbuhan ekosistem bateri kenderaan elektrik (BEV), dan MoU dengan Gamuda membolehkan stesen elektron berkuasa solar pertama negara dibina di Gamuda Cove & Gamuda Gardens. "Sebagai tambahan, kami sudah membangunkan dua poin pengecasan Elektron TNB di R&R Ayer Keroh Arah Utara dan R&R Paka Arah utara, serta menyiapkan infrastruktur perkhidmatan bas elektrik luar bandar yang pertama di Langkawi, dijangka bermula ketika LIMA (Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi) 2023”

TNB Kekal Pemboleh Utama Peralihan Tenaga Negara pada 2023

Baharin menegaskan komitmen TNB memacu Peralihan Tenaga Negara. Inisiatif tersebut yang menuju aspirasi Sifar Bersih 2050, akan membawa pertumbuhan perniagaan yang positif dan meningkatkan nilai kepada pemegang sahamnya.

“Melihat ke hadapan pada 2023, kami akan terus memacu inisiatif strategik kami dalam mencapai komitmen sifar bersih sambil memastikan pertumbuhan perniagaan mampan. Laluan peralihan tenaga kami akan membawa pertumbuhan positif perniagaan kepada Kumpulan, sambil mencipta nilai jangka panjang kepada pemegang saham melalui pertumbuhan pendapatan.

Beliau menjelaskan bahawa TNB Genco akan meneruskan pelaburannya dalam teknologi hijau sebagai sebahagian perjalanan Peralihan Tenaga TNB (tempatan dan serantau) dan kekal fokus kepada program pengembangan lima loji domestik utamanya.

NED dengan perancangan kukuh 4.4GW aset TBB, akan terus meneroka peluang bukan sahaja di UK, bahkan di rantau ASEAN dan Asia Pasifik. Grid pula akan menjalankan dua kajian kebolehlaksanaan pengukuhan kesalinghubungan grid serantau dengan kerjasama rakan strategik utiliti Thailand, Pihak Berkuasa Penjanaan Elektrik Thailand (EGAT) dan PT Perusahaan Listrik Negara (PLN), Indonesia. Bagi EV, TNB akan membelanjakan kira-kira RM22 juta untuk menyokong ekosistem EV di Malaysia. Tumpuan kepada peralihan tenaga juga akan mempercepatkan lagi transformasi digital pelanggan untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih mampan dan lebih bijak.

“Kami komited untuk meningkatkan nilai kepada pemegang saham sambil bertekad menjadi pembekal terkemuka penyelesaian tenaga mampan merentasi tonggak strategik perniagaan

kami, meliputi Sumber Penjanaan Masa Depan, Grid Masa Depan dan Memenangi Pelanggan,” tambah Baharin.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Februari 2023, jam 3:00 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.6 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyeyjukan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din